Headline	**Mimos Rapatkan Jurang Digital-Abdul Wahab**			
Date	**28. Jan 2009**	Language	**MALAY**	
Media Title	**Utusan Malaysia**	Page No	**16a,17a**	
Section	**Supplement**	Article Size	**1041**	cm2
Circulation	**238082**	Frequency	**Daily**	
Readership	**833287**	Color	**Full Color**	
		AdValue	**20578.01**	

MIMOS rapatkan jurang digital - Abdul Wahab

MIMOS Berhad merupakan agensi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi yang antara lain menumpukan usaha merapatkan jurang digital di kalangan rakyat. Ikuti temu bual menerusi emel dengan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Datuk Abdul Wahab Abdullah** dengan wartawan **LAUPA JUNUS.**

Apakah jawatan Datuk sekarang?

ABDUL WAHAB: Sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif MIMOS Berhad.

Saya mengetuai pusat penyelidikan negara di dalam bidang *Information Communications Technology* (ICT) bagi membangunkan teknologi tinggi untuk membolehkan industri tempatan berdaya saing di peringkat dunia, setanding dengan negara-negara maju di Asia , Eropah dan Amerika Syarikat.

Saya juga bertanggungjawab merealisasikan hasrat kerajaan Malaysia untuk menambahkan pertumbuhan ekonomi negara dalam sektor pertanian, industri dan servis yang mengunakan teknologi ICT.



Apakah bidang penyelidikan dan kepakaran Datuk?

ABDUL WAHAB: Semenjak tahun 1979 sehingga sekarang, saya telah terlibat di dalam bidang Perhubungan dan ICT untuk digunakan di dalam aplikasi misi kritikal *(critical mission)* bermula dari peringkat konsep, reka bentuk, ujian, pembuatan, integrasi sistem, pemasangan dan operasi sistem.

Di MIMOS, saya menumpukan perhatian terhadap lapan kluster teknologi yang merangkumi *Grid Computing, Knowledge Technology, Information Security, Wireless Communications, MEMS, Advanced Informatics, Micro Energy* dan *Nano*.

Teras kluster ini adalah untuk memberi daya saing pada industri tempatan di peringkat dunia dalam meletakkan teknologi terkini sebagai salah satu niche untuk meletakkan Malaysia di pasaran dunia.

Mengapakah kelapan-lapan bidang tersebut yang dipilih?

ABDUL WAHAB: Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI), MIMOS mendapat mandat menjalankan penyelidikan di dalam kelapan-lapan kluster teknologi tersebut mengikut kehendak pasaran dunia selepas satu kajian yang terperinci di jalankan melalui Market Research.

Seperti mana visi dan misi MIMOS, kelapan-lapan bidang yang menjadi bidang penyelidikan kami berupaya membawa Malaysia setanding dengan pusat penyelidikan yang ulung di arena ICT dunia.

Bagaimanakah rakyat biasa dapat mendapat faedah dari teknologi terkehadapan yang dibangunkan MIMOS?

ABDUL WAHAB: MIMOS melihat teknologi sebagai satu *competitive edge* untuk menentukan dan menjana ekonomi negara di masa depan.

Teknologi yang dibangunkan adalah bertumpu kepada pembangunan ekonomi rakyat melalui pembangunan produk dan penyelesaian yang dapat membangunkan ekonomi desa dengan menggunakan teknologi terkini yang tidak dapat dilakukan oleh sektor swasta kerana tidak memberi pulangan pelaburan dengan mengunakan teknologi dari negara luar.

Saya sedar, ramai yang beranggapan bahawa teknologi-teknologi terkehadapan yang dibangunkan oleh MIMOS amat jauh daripada mereka, namun inilah teknologi yang akan memberi kesan kepada kehidupan mereka sehari-harian.

Contohnya teknologi MEMS atau *micro-electro mechanical systems* - MIMOS sedang membangunkan teknologi MEMS untuk menolong petani tempatan meningkatkan pengeluaran tanaman mereka melalui pertanian yang tepat menggunakan sensor MEMS.

Bagaimanakah teknologi sensor MEMS yang dibangunkan MIMOS dapat memberi impak kepada penyelesaian pertanian tepat?

ABDUL WAHAB: Sebahagian besar kawasan di Malaysia tertumpu kepada bidang pertanian. Kerajaan bimbang penghijrahan anak muda ke bandar akan menjejaskan industri pertanian yang pada ketika ini amat penting dan mempunyai pulangan yang amat baik pada masa depan.

Oleh yang demikian, satu teknologi terkini dibangunkan bagi sektor pertanian untuk mengintegrasikan aktiviti bermula dari penanaman hingga ke pemasaran.

Dengan itu dapat melonjakkan pertanian negara ini setanding dengan negara maju. MIMOS sebagai Pusat ICT Negara menghasilkan teknologi ICT yang mampu diguna pakai oleh pertanian di Malaysia melalui teknologi sensor tanpa wayar MEMS.

Sensor ini berfungsi sebagai alat peranti pengukur tahap kelembapan, suhu, keasidan atau kealkalian sesuatu kawasan tanah yang akan atau sedang dibangunkan untuk pertanian.

Sensor ini turut memiliki kepintaran dan kecepatan komputer untuk memproseskan data dan juga sumber ilmu dari internet

Headline **Mimos Rapatkan Jurang Digital-Abdul Wahab**
Date **28. Jan 2009**
Media Title **Utusan Malaysia**

bagi membantu petani dalam penanaman dan pemasaran produk.

Bagaimana caranya kita memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai pentingnya kerjaya dalam bidang sains dan teknologi?

DATUK ABDUL WAHAB: Rakyat perlu melihat impak sains dan teknologi sebagai *survival* bagi masa depan mereka dalam pertumbuhan ekonomi negara.

Dunia akan melihat pada inovasi sesuatu negara itu bagi membolehkan negara mendapat status sebagai negara maju.

Adakah Datuk rasa yang rakyat Malaysia boleh berjaya di dalam bidang sains & teknologi, khususnya R&D di dalam ICT?

ABDUL WAHAB: Dalam 30 tahun pengalaman saya dalam bidang R&D dan juga pada satu ketika menerajui pusat penyelidikan Asia Pasifik yang bertanggungjawab untuk mentakbirkan pusat R&D di lima negara di Asia, saya amat yakin sekali dengan keupayaan rakyat Malaysia bukan sahaja di dalam bidang ICT malah di dalam bidang-bidang lain juga.

Apakah kelebihan rakyat Malaysia untuk bersaing dengan negara luar?

ABDUL WAHAB: Kelebihan rakyat Malaysia semestinya ialah keupayaan kita untuk memahami kebudayaan pelbagai kaum yang membolehkan kita *adapt* kepada pelbagai situasi dan budaya kerja di peringkat global.

Sebagai contoh, rakyat Malaysia mungkin tidak akan mempunyai banyak masalah untuk bekerja di negara India misalnya, berbanding dengan rakyat Jepun atau Korea.

Sepanjang kerjaya saya di rantau Asia Pasifik, saya perhatikan inilah kelebihan menjadi anak Malaysia dan kita patut berbangga dan bersyukur dengan kebudayaan pelbagai kaum di negara kita. *Our strength is in our diversity.*

Apakah yang dimaksudkan dengan jurang digital (*digital divide*)?

ABDUL WAHAB: *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD) pada 2001 telah menakrif jurang digital sebagai jurang yang wujud di antara individu, isi rumah, perniagaan dan kawasan geografi pada tahap sosio-ekonomi yang berbeza untuk mendapat peluang mengakses ICT dan mengunakan Internet untuk tujuan pelbagai aktiviti.

Kerajaan telah mengambil langkah untuk mengurangkan jurang digital ini dengan mewujudkan pusat-pusat telekomunikasi di desa-desa atau kawasan pendalaman di seluruh negara.

Justeru itu jurang ini perlu dikurangkan supaya masyarakat desa tidak ketinggalan dengan perkembangan maklumat dan ilmu semasa, supaya pembangunan modal insan dan penyampaian maklumat terkini dapat disebar bagi semua peringkat masyarakat di negara ini.

Pelbagai inisiatif kerajaan seperti celik IT diwujudkan untuk memberi pendekatan kepada masyarakat supaya jurang digital ini bukan hanya pemasangan peralatan IT tetapi program pendekatan penggunaan dan faedahnya juga ditekankan.



ABDUL Wahab Abdullah menunjukkan sensor mudah alih yang dihasilkan oleh MIMOS.

Bagaimana MIMOS mahu merapatkan jurang digital (BDD)?

ABDUL WAHAB: MIMOS melihat jurang digital dalam tiga sudut.

Pertama, bagi menyelesaikan masalah jurang hubungan *connectivity gap*, kedua adalah menyelesaikan masalah penggunaan peralatan atau *adoption gap* dan ketiga adalah isi kandungan atau nilai yang dapat memberi penghasilan kepada pengguna iaitu *content*.

Salah satu usaha MIMOS merapatkan jurang digital ialah melalui peranti celik IT untuk menyelesaikan masalah tersebut yang dinamakan Jendela Informasi Internet (JEN-ii).

JEN-ii ialah peranti mesra pengguna direka khusus warga emas, golongan luar bandar, golongan yang tidak pernah menggunakan komputer dan golongan yang tidak mampu memiliki komputer.

JEN-ii menjadikan akses kepada maklumat melalui internet dengan mudah. Usaha ini selari dengan aspirasi kerajaan untuk merapatkan jurang celik IT yang wujud dalam masyarakat.

Selain daripada itu, pihak MIMOS juga membangunkan teknologi *WiWi* untuk menyelesaikan masalah hubungan Internet ke rumah di kampung dari pusat telekomunikasi tanpa wayar. Ini membolehkan penekanan IT di kawasan kampung dapat diberi dengan meluas hingga ke rumah.

Dengan mengunakan teknologi terkini seperti *Cloud Computing*, ia membolehkan penghantaran kandungan yang tepat ke rumah bersesuaan dengan kehendak individu bagi sesuatu kawasan itu.

Biodata

Datuk Abdul Wahab Abdullah

Tarikh Lahir: 18 Sept 1955
Tempat Lahir: Pulau Pinang

Kelayakan Akademik:

1. Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Elektrik, Universiti Malaya 1979 - Penerima Biasiswa Motorola
2. Kejuruteraan Instrumentasi & Pengawalan, Politeknik Ungku Omar 1976

Kerjaya

1. Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif MIMOS Berhad (Julai 2006 - sekarang)

Anugerah dimenangi MIMOS dibawah pimpinan Datuk Abdul Wahab

- Anugerah Reka cipta Industri (tempat ketiga) - Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2008 untuk peranti pengurangan jurang digital JEN-ii
- Anugerah Merit untuk "E-Penyertaan and E-Komuniti" - MSC Malaysia API-CTA 2008 untuk peranti pengurangan jurang digital JEN-ii
- *Malaysia Good Design Award* 2007 untuk peranti iDOLA
- *Intel Recognition for Smart Partnership in iDOLA Prototyping Project* untuk peranti iDOLA
- *Frost & Sullivan Industry Innovation & Advancement (Precision Agriculture) R&D Organisation of the Year 2007 Award, through its application of Micro Electro Mechanical System (MEMS) in the field.*
- *Asia HRD Congress 2008 Award @ Jakarta - Outstanding contribution to the field of Human Resource Development di bawah kategori: "Contribution to the Organization"*

Anugerah Kebesaran

- 2007 Darjah Setia Pangkuan Negeri (Pulau Pinang)
- 2007 Darjah Dato' Panglima Sirajuddin Jamalullail (Perlis)

estidotmy